

24/01/1998

Pengorbanan Hawa untuk ekonomi negara

HH

WANITA terutama suri rumah adalah antara golongan penting yang menguruskan kehidupan seharian sesebuah keluarga. Antara tanggungjawab mereka ialah berbelanja dan membeli-belah. Jika golongan ini kurang faham apa yang berlaku terhadap ekonomi negara sekarang, setiap tindakan mereka boleh merugikan kita.

Oleh itu, pengetahuan mereka tentang ekonomi dari segi pengurusan rumah tangga adalah sangat penting.

Walaupun ekonomi kita perlahan, mereka masih perlu berbelanja kerana jika tidak, peniaga tidak akan mempunyai pendapatan. Cuma apa yang penting wanita perlu mendisiplinkan dengan berbelanja mengikut keperluan atau berbelanja yang boleh menguntungkan negara.

Caranya ialah memberi barangan tempatan dan bukan barangan mewah terutama yang diimport. Apabila susah, suri rumah juga kenalah buat cara susah.

Selain berbelanja dengan kaedah yang menguntungkan, menyimpan wang mahupun harta, juga mestilah dengan cara menguntungkan. Ini sangat penting kerana jika menyimpan atau 'mengumpul' harta mengikut kaedah yang tidak betul, akhirnya suri rumah yang akan rugi dan harta mereka mengalami susut nilai.

Kita sentuh mengenai perkara ini kerana boleh dikatakan sebahagian besar suri rumah tidak ambil endah sangat mengenai perkara itu. Ini kerana tidak ramai wanita tahu bahawa jika mereka berbuat demikian, sedikit sebanyak dapat menolong mempercepat pemulihan ekonomi negara.

Lantaran itu, masih ramai wanita kita khususnya yang berpendidikan sederhana dan yang tinggal di kawasan luar bandar, secara tidak langsung membantu pula menjadikan ringgit kita tidak bernilai. Mereka ini masih menyimpan wang di dalam laci rumah, bawah tilam atau dikendong ke sana ke mari.

Ramai kalangan kita sama ada wanita mahupun lelaki tindak memahami pergerakan wang setiap hari daripada satu tangan ke tangan lain akan dapat membantu memulihkan ekonomi. Jika satu hari RM10 yang dimasukkan wanita dalam bank bertukar tangan 10 kali, wang itu akan bernilai RM100. Sebaliknya jika disimpan dalam rumah, RM10 tidak ada nilai sama sekali kerana wang itu hanya menanti untuk digunakan sebagai duit belanja.

Begitu juga barang kemas yang memang boleh dikatakan sedikit sebanyak mesti dimiliki oleh hampir semua wanita di negara ini. Bagi mereka emas yang dibeli hanya untuk perhiasan dan simpanan bersifat sentimental.

Justeru, walaupun satu ketika emas itu dibeli pada harga rendah dan boleh dijual apabila harga logam itu meningkat, tidak ramai wanita kita yang mahu berbuat demikian.

Dua bulan lalu, satu gram emas bernilai RM34-RM37 tetapi hari ini sudah meningkat kepada RM45-RM48. Walaupun kebiasaannya emas terpakai jika dijual semula sukar mendapat harga semasa di pasaran, tetapi jika dibandingkan harga pembelian tiga bulan lalu, suri rumah masih boleh mendapat untung jika menjualnya.

Wang hasil jualan emas itu boleh dilaburkan untuk mendapat pulangan jangka panjang yang lebih lumayan.

Mungkin dalam beberapa bulan lagi, apabila harga emas turun, mereka masih boleh mengeluarkan simpanan itu untuk membelinya semula.

Cara ini bukan sahaja dapat menjadikan emas itu mempunyai nilai tersendiri tetapi juga pemilikinya boleh mendapat keuntungan daripada

kenaikan nilainya.

Wanita berbanding lelaki dalam banyak hal memang lebih mudah dan bersedia berkorban. Kaum Hawa yang lemah-lembut kebiasaannya tidak sampai hati untuk membantu sesiapa sahaja yang terdesak dan memerlukan pertolongan. Sebab itulah di beberapa negara Asia seperti Korea Selatan dan Indonesia yang mengalami kegawatan ekonomi, Sri Kandi ini sanggup mendermakan barangan kemas mereka bagi membantu kerajaan memulihkan keadaan.

Di Malaysia, kita masih belum sampai ke tahap itu. Pada peringkat permulaan era kepayahan ini, suri rumah hanya diminta berhemat berbelanja dan berjimat. Cuma baru beberapa hari lalu mereka disarankan supaya menjual barang kemas mereka, itupun bagi mereka yang banyak memiliki, dan kemudian duitnya dimasukkan ke dalam bank atau dilaburkan.

Kita semua mesti faham. Berikutan kejatuhan nilai ringgit, kita kini kekurangan modal. Banyak perniagaan tidak boleh diteruskan, banyak syarikat tidak boleh pinjam duit untuk berniaga. Akibatnya banyak syarikat akan rugi dan terpaksa ditutup. Apabila ramai akan hilang pekerjaan dan syarikat tidak berniaga, kerajaan tidak akan memperolehi cukai dan ini menyebabkan pembangunan negara dan usaha memajukan rakyat tidak dapat diteruskan.

Akhirnya Malaysia akan mundur. Oleh itu jika suri rumah juga turut membantu mewujudkan wang menerusi emas yang dimiliki, pastinya duit mereka mengurangkan beban kredit dan boleh digunakan bagi menggerakkan ekonomi.

Perlu diingatkan ramai juga di kalangan lelaki yang memakai emas kerana berpendapat ia trend dan fesyen.

Walaupun tidak sebanyak wanita, ada juga di kalangan mereka yang membeli pelbagai barang kemas untuk disimpan. Mereka ini juga boleh membantu ekonomi kita jika menjual emas itu dan menyimpan duitnya di dalam bank.

Jika wanita yang sukar dipisahkan dengan barang kemas sanggup melepaskannya untuk membantu negara, lelaki yang ada banyak juga emas seharusnya segan silu jika tidak ikut serta.

Untuk pengetahuan adik kakak dan wanita, satu dana bagi menggalakkan mereka menabung membantu memulihkan ekonomi negara akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Februari depan.

Wang yang terkumpul dalam dana itu akan digunakan bagi pelbagai tujuan termasuk pelaburan dan projek usaha sama serta projek sosial yang khusus untuk kepentingan wanita.

Dana itu akan dikendalikan oleh pengurus bertauliah yang akan memutuskan jenis pelaburan dan bentuk usaha sama yang akan dijalankan dengan menggunakan wang yang terkumpul itu. Kita mahu kalangan wanita, sampai-sampai dan heboh-hebohkanlah maklumat ini dan mula jual barang kemas mereka untuk melabur dalam dana berkenaan dua minggu lagi.

(END)